Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 11(1): 81-95 (2003)
ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka

MOHD AZMI MAT SAH[1] & MAIMUNAH ISMAIL[2]
[1]*Institut Al-Quran Melaka*
34 A, Taman Cempaka 1,
Peringgit, Melaka
[2]*Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan*
Fakulti Pengajian Pendidikan
43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Saudara baru, pendidikan dewasa, program pembelajaran, Balai Islam

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap persepsi responden terhadap status program pembelajaran yang mereka ikuti. Kajian melibatkan sejumlah 60 orang saudara baru dan tiga orang pegawai di sebuah di institusi dakwah Islam. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden berbangsa Cina dan beragama asal Buddha, purata umur memeluk Islam ialah 25.8 tahun dan purata umur sekarang ialah 45.2 tahun. Sejumlah 76% responden adalah wanita. Kajian juga menunjukkan responden berpersepsi bahawa program pembelajaran secara keseluruhan adalah memuaskan. Aspek yang perlu diberi lebih perhatian ialah keselesaan kelas, kemampuan pengajar menggunakan pelbagai bahasa, dan beberapa aspek isi kandungan pelajaran. Tiga masalah pelaksanaan program pembelajaran yang dihadapi oleh Balai Islam ialah anggapan bahawa Balai Islam sebagai tempat mengadu masalah, status pekerjaan pegawai dan kurikulum yang kurang lengkap.

ABSTRACT

The study aimed to identify the perception of respondents on the status of learning program that they have undergone. The study involved 60 Muslim converts and three officers of an Islamic institution. Results showed that the majority of respondents were of Chinese with Buddhism as the original religion, converted to Islam at the average age of 25.8 years, and their present age was at an average of 45.2 years. A total of 76% of respondents were women. As a whole the respondents perceived that the learning program was satisfactory. However, some areas need to be looked into seriously such as the situations in the class, the capability of teachers in using multiple languages in teaching, and several aspects of learning contents. Three problems related to learning program for the converts were identified, namely, the perception of respondents that Balai Islam is the only place to refer to when problems arise, employment status of officers and the inadequacy of curriculum.

PENGENALAN

Islam adalah suatu agama yang dinamik. Keadaan dinamik ini antara lain dapat dilihat melalui pertambahan umat Islam bukan sahaja mereka yang lahir daripada keluarga Islam tetapi juga yang baru memeluk Islam atau 'convert' atau juga dikenali sebagai 'saudara baru'. Fenomena bertukar agama daripada agama lain ke agama Islam bukan satu perkara baru. Ia telah bermula di peringkat awal tamadun Islam di dunia Arab (Shatzmiller 1996) dan di negara-negara Asia Tenggara (Hefner and Horvatich 1997). Hingga kini fenomena ini berlaku di kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia, dan ini merupakan satu cara menyebabkan berlaku peningkatan jumlah umat Islam di sesebuah negara. Contohnya di negeri Jepun sekarang terdapat hampir 50,000 orang penduduk yang memeluk

Islam daripada agama lain dalam tempoh 20 tahun yang lalu (Anis 1998). Di Kanada terdapat sejumlah 200,000 orang Islam termasuk mereka sebagai imigran lama dan baru yang majoritinya dari Asia dan Afrika dan juga yang memeluk Islam daripada agama lain (Azmi 1997).

Kajian pertambahan saudara baru dalam era Malaysia moden adalah kecil, dan analisis menunjukkan ia seiringan dengan gerakan dakwah di negara ini (Shamsul 1997). Jumlah saudara baru sebenar di negara ini sukar diperolehi. Berdasarkan sumber-sumber yang terhad, jumlah mereka di Kuala Lumpur dalam lima tahun antara tahun 1995 hingga 2000 secara purata ialah lebih kurang 400 orang setahun (Temu bual dengan pegawai PERKIM, Kuala Lumpur 2001). Begitu juga menurut Mahfuz (1992) jumlah saudara baru di Kuala Lumpur daripada tahun 1986 hingga 1990 ialah seramai 1609 orang atau 0.15% daripada keseluruhan masyarakat bukan Islamnya.

Melihat perkembangan ini dan pertambahan populasi yang ingin memeluk Islam di Malaysia menyebabkan perlunya satu tugas khusus untuk menjaga hal-ehwal kebajikan termasuk program pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan Islam (Siddiq 1998). Institusi dakwah di Malaysia seperti YADIM, PERKIM, Balai Islam, MACMA, IOA, dan JIM[1] telah banyak membantu misi dakwah Islamiah yang sedia ada termasuk pembelajaran di kalangan saudara baru.

Balai Islam terdapat hampir di setiap negeri di Malaysia. Balai Islam Negeri Melaka khususnya telah ditubuhkan pada tahun 1987, dimandatkan untuk mengendalikan aktiviti pembelajaran di kalangan saudara baru. Setelah sekian lama dijalankan masih banyak tidak diketahui tentang keberkesanan program pembelajaran tersebut daripada pelbagai aspek. Oleh yang demikian fokus kajian ini ialah untuk melihat status program pembelajaran di kalangan saudara baru khususnya anjuran Balai Islam. Tambahan pula kajian lepas mengenai pembelajaran di kalangan saudara baru adalah terhad. Kajian yang ada hanyalah mengenai permasalahan yang mereka hadapi (Simon Peri 1990, Nor Patimah 1990; Maziah 1995; Mahfuz 1992; Wan Fauziah 1992; Yusoff 1988). Persoalan kajian ialah bagaimanakah pandangan saudara baru tentang pelaksanaan program pembelajaran daripada aspek kepentingan objektif program, isi kandungan pelajaran, suasana pembelajaran, penyampaian dan pengendalian program? Apakah masalah yang dihadapi oleh pihak pelaksana dalam mengendalikan aktiviti pembelajaran? Kajian ini akan cuba mencari jawapan kepada persoalan di atas.

Hasil kajian bukan sahaja dapat meningkatkan korpus pengetahuan mengenai pembelajaran di kalangan saudara baru, tetapi ia boleh digunakan oleh Balai Islam dan institusi dakwah lain dalam pelaksanaan programnya. Seterusnya hasil kajian diharapkan dapat membantu usaha untuk mengenal pasti di kalangan saudara baru yang berkebolehan untuk diketengahkan dalam membantu usaha pelaksanaan program pembelajaran dan sebagai pendakwah. Penumpuan sesuatu aktiviti pembelajaran keislaman yang disusuli dengan aktiviti penyelidikan akan cuba menonjolkan kepentingan fungsi Balai Islam Melaka sejajar dengan falsafah penubuhannya untuk memberi kebajikan kepada 'saudara baru' dengan mengoperasikan konsep pendidikan.

PENDIDIKAN DEWASA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Pendidikan amat digalakkan dalam Islam tanpa mengira sama ada ilmu agama dan ilmu sains. Menurut Mohd Kamal (1988), isi kandungan teologi dan sains dalam Islam tidak bercanggah antara satu sama lain, malah ia saling melengkapi dan kedua-duanya lahir daripada pandangan yang satu iaitu Tauhid. Ini amat bertentangan dengan konsep dualisme yang diamalkan di Barat, di mana ilmu keagamaan dipisahkan daripada ilmu sains. Pendidikan tidak formal yang berkait rapat dengan pendidikan dewasa mempunyai kepentingan tinggi dalam Islam kerana tempoh seseorang individu mengikuti pendidikan formal adalah terbatas.

---

[1] YADIM - Yayasan Dakwah Islam Malaysia
PERKIM - Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
MACMA - Muslim Chinese Association of Malaysia
IOA - International Outreach of ABIM (Malaysian Muslim Youth Movement)
JIM - Jemaah Islam Malaysia

Menurut Al-Rawi (1993) beberapa ciri pendidikan dewasa menurut Islam ialah: Pertama, pendidikan dewasa merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat iaitu dari "buaian hingga ke liang lahad". Hanya yang membataskan pendidikan seseorang ialah kebolehannya untuk belajar kerana individu yang berlainan mempunyai kemampuan yang berbeza untuk belajar. Kedua, pembelajaran yang berulang-ulang merupakan amalan umat Islam yang terdahulu. Ini kerana di awal tamadun Islam, sistem pendidikan formal tidak begitu kemas seperti masa kini, yang mana individu sering belajar dan bekerja secara tukar ganti mengikut kesesuaian masa. Ini kerana dalam pembelajaran terdapat kata-kata hikmat seperti "Seseorang tidak sempurna amalnya jika ia tidak belajar, dan tidak menjadi orang yang terdidik jika ia tidak melakukan sesuatu mengikut apa yang dipelajari."

Ketiga, ialah konsep masyarakat berpelajaran (learning society) merupakan satu tuntutan dalam Islam. Walaupun konsep ini sering dilaung-laungkan dewasa ini, tetapi mengikut sejarah Islam, dalam era pemerintahan Abbasiah seluruh masyarakat Arab ketika itu telah mengalami transformasi pendidikan iaitu masyarakat tersebut dianggap sebagai satu institusi pembelajaran yang besar. Bidang-bidang pendidikan yang telah bertapak ketika itu ialah undang-undang Islam, kenegaraan dan politik. Ulasan di atas menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan umatnya menuntut ilmu bagi menjamin kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Manusia keseluruhannya, termasuk mereka yang baru memeluk Islam ditugaskan untuk menjadi khalifah atau pengatur kepada alam semesta ini. Oleh itu perkara utama yang mereka mesti laksanakan ialah menuntut ilmu mengenai agama yang baru dianuti. Ini mencadangkan bahawa suatu program pembelajaran khususnya secara tidak formal dibentuk bagi memudahkan mereka menjalani tuntutan hakiki tersebut.

Menyentuh tentang teori pembelajaran, banyak pendapat menyatakan mengapa seseorang dewasa belajar. Seseorang dewasa dikatakan bersedia untuk belajar apabila mereka berhadapan dengan situasi yang rumit, yang menuntut agar mereka belajar bagi memperbaiki kualiti hasil kerja atau peringkat kehidupan seharian. Ini termasuk individu sama ada seorang pekerja, suami atau isteri, ibu atau bapa, seorang ketua sesebuah organisasi atau pekerja dalam organisasi (Knowles 1980; Brazziel 1989; Garelli 1996). Pelajar dewasa lebih suka pembelajaran yang berkaitan dengan pengalaman hidupnya dan ia akan menjadi lebih bermakna apabila pembelajaran itu boleh diaplikasikan dalam menyelesaikan sebarang masalah harian atau masalah-masalah di tempat kerja (Reizen 1996; Benshoff 1991).

Dari pandangan Knowles (1984) pula ia mengatakan bahawa pada suatu peringkat kehidupan seseorang dewasa, orientasi pembelajaran lebih tertumpu kepada keperluan diri, sama ada ia berorientasikan masalah, pekerjaan ataupun kehidupan. Sekiranya berkemampuan, ia mahu mengaplikasikan apa sahaja yang telah dipelajarinya secepat mungkin.

Aslanian dan Brickell (1980) seterusnya menambah bahawa faktor penyebab seseorang untuk belajar ialah akibat perubahan dalam hidup keluarga seperti perkahwinan, kelahiran, perceraian dan kematian serta faktor-faktor lain seperti penggunaan masa lapang dan mahu mencapai kepuasan tugas yang lebih tinggi. Manakala Robinson (1985) pula lebih cenderung kepada idea bahawa pembelajaran dewasa berlaku kerana ia adalah suatu keperluan penting pada suatu peringkat dalam kehidupan seseorang.

Dalam konteks kajian ini saudara baru sangat memerlukan pendidikan. Sebagai anggota baru dalam masyarakat Muslim sudah tentu mereka mempunyai pelbagai masalah yang perlu diatasi (Ibrahim 1995; Zainurin 1992). Antaranya ialah untuk mematuhi amalan agama yang baru dianuti dan untuk menyesuaikan diri dengan umat Islam yang lain, reaksi rakan, majikan dan keluarga. Masalah lain yang berkaitan ialah kerumitan untuk belajar kerana tempat tinggal yang jauh dari tempat belajar, dan jenis pekerjaan yang kurang sesuai setelah memeluk Islam (Ibrahim 1995; Ramli 1993). Justeru itu perancang program pembelajaran kepada saudara baru haruslah dirancang secara sistematik dengan melihat kepada aspek-aspek pendidikan dewasa.

Seperti yang dilaporkan oleh Mahfuz (1992) sungguhpun mereka dengan sepenuh hati menerima Islam sebagai satu cara hidup, tetapi mereka masih lagi tidak memahami apakah perkara yang tergolong dalam ibadah. Dengan demikian pembelajaran perlu bukan sahaja untuk meningkatkan tahap kognitif tentang Islam tetapi juga amalan yang dituntut. Mereka sedang

membina persepsi diri mengenai nilai, kepercayaan serta amalan hidup yang belum pernah mereka alami sebelum ini. Dengan demikian proses pembelajaran untuk saudara baru sangat penting dan perlu dirancang sebaik-baiknya.

Di antara konsep yang selalu disebut dalam pelaksanaan sesuatu program pembelajaran ialah pengetahuan pelaksana tentang ciri-ciri pembelajaran dewasa, faktor yang menggalakkan pembelajaran dewasa dan penggunaan pengalaman dalam pembelajaran dewasa. Ku Md. Ali (1997) melaporkan bahawa ahli psikologi berpendapat bimbingan adalah sebahagian daripada komponen dalam program pendidikan dewasa. Perkhidmatan bimbingan merupakan nadi terpenting dalam mempastikan saudara baru untuk terus kekal di atas dasar Tauhid, menghayati tuntutan agama dan memandu untuk menjalani kehidupan ke jalan yang diredhai serta dibenarkan oleh syariat.

Dalam konteks penghidupan saudara baru, selain pembimbing, 'role model' adalah juga penting. Mereka sangat memerlukan seseorang yang boleh menjadi contoh seperti fasilitator kelas agama, ustaz, imam masjid, pegawai organisasi dan pemimpin tempatan lain yang beragama Islam serta jiran dan rakan. Ini bertepatan dengan teori "Pembelajaran Sosial" (Bandura 1977) yang mana seseorang individu belajar melalui pemerhatian dan interaksi dengan anggota sosial lain dalam aktiviti seharian. Oleh itu saudara baru perlu didedahkan dengan pengetahuan dan amalan yang betul mengenai Islam. Ini mencadangkan betapa pentingnya diwujudkan program pembelajaran khusus untuk mereka.

KAJIAN LEPAS YANG BERKAITAN

Kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih banyak ruang yang boleh dipenuhi oleh pelbagai pihak untuk memantapkan program pembelajaran di kalangan saudara baru. Mahfuz (1992) mencadangkan supaya sukatan pelajaran hendaklah bukan sekadar peringkat asas sahaja, tetapi perlu lebih mendalam. Selanjutnya beliau mencadangkan agar dilakukan pengasingan kelas antara mereka yang lama dan yang baru memeluk Islam. Menurut Wan Fauziah (1992) pula hampir 90% daripada saudara baru di Malaysia terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan tidak berpendidikan tinggi; dan dengan demikian penganjur program pembelajaran perlu sensitif dengan keadaan profil sosial mereka yang demikian. Cadangan yang dikemukakan oleh Nor Patimah (1990) amatlah dipersetujui supaya diwujudkan perpustakaan untuk saudara baru, adakan kelas lanjutan dan wujudkan "Islamic Information Centre" di tengah-tengah sesebuah bandar besar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Melaka. Begitu juga dengan cadangan supaya proses pembelajaran menggunakan alat bantu mengajar seperti audio-video, kursus secara jarak jauh dan mengadakan penilaian yang sistematik tentang aktiviti pembelajaran yang diadakan di kalangan saudara baru.

Daripada segi teknik penyampaian oleh fasilitator, Maziah (1995) mencadangkan bahawa program dakwah perlu dimulakan dengan perkara-perkara yang menjadi kegemaran mereka dahulu, contohnya kemasyarakatan atau pergaulan sosial kemudian sedikit demi sedikit dikaitkan dengan agama. Fasilitator juga perlu menghalusi percakapan mereka kerana dengan demikian perkara yang dipelajari mudah meresap ke dalam jiwa seseorang. Fasilitator perlu sensitif terhadap sasaran yang dituju. Sebagai contoh, mereka boleh memulakan sesi pembelajaran dengan mengajak memikirkan tentang kejadian alam, kehebatan pencipta alam ini dan sebagainya. Kajian tersebut juga mencadangkan supaya fasilitator perlu menguasai beberapa bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan bahasa lain selain daripada Bahasa Melayu. Ini kerana saudara baru datang daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya.

Ulasan di atas menunjukkan bahawa program pembelajaran di kalangan saudara baru merupakan satu pembelajaran dewasa secara tidak formal,yang mempunyai kurikulum berdasarkan masalah kehidupan seharian. Objektif dan strategi pengendalian pembelajaran perlu dirancang dengan rapi, bersesuaian dengan profil sosial saudara baru yang mempunyai pelbagai masalah termasuk ekonomi, dan sedang berada pada tahap transisi daripada segi pengetahuan dan amalan agama, serta pembelajaran perlu menggunakan prinsip-prinsip pendidikan dewasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan yang berbentuk deskriptif. Ia dinamakan penerokaan sebab kajian tempatan di kalangan

saudara baru sangat terhad dan lebih-lebih lagi berkaitan program pembelajaran yang mereka ikuti hampir tiada ditemui sebelum ini. Kajian ini bertujuan meninjau pandangan saudara baru terhadap pelaksanaan program pembelajaran yang telah mereka ikuti daripada aspek kepentingan objektif pembelajaran, suasana pembelajaran, isi kandungan pelajaran, penyampaian dan pengendalian program pembelajaran. Kajian juga bertujuan mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan program pembelajaran di kalangan saudara baru daripada perspektif penganjur. Aspek pelaksanaan ini perlu diketahui kerana ia mempengaruhi tumpuan dan kelancaran program pembelajaran yang dijalankan oleh pegawai Balai Islam.

Instrumentasi Kajian

Instrumen kajian ialah borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Pembentukan soalselidik ini berdasarkan teori-teori pembelajaran dewasa terkemuka yang dibentuk oleh Knowles (980), Brazziel (1989) dan Garelli (1996). Sebanyak empat komponen program pembelajaran yang dipilih dalam kajian ini iaitu kepentingan objektif pembelajaran, suasana pembelajaran, isi kandungan pelajaran, penyampaian dan pengendalian program pembelajaran.

Responden kajian terdiri daripada semua 60 orang saudara baru yang telah mengikuti program pembelajaran yang dianjurkan oleh Balai Islam dalam tahun 2001. Mereka terdiri daripada saudara baru yang berumur antara 18 hingga 60 tahun. Kategori umur ini dipilih kerana sesuai dengan hak memilih agama bagi individu seperti yang tercatat dalam perlembagaan Persekutuan perkara 11 (4). Pemilihan responden dibuat berdasarkan senarai nama yang telah diambil oleh penyelidik melalui semakan pelajar yang telah mengikuti program pembelajaran anjuran Balai Islam Melaka dalam tahun 2001.

Prauji telah dijalankan di kalangan 10 orang saudara baru lain yang pernah mengikuti program pembelajaran di Melaka yang dikendalikan oleh institusi Islamiah yang lain. Analisis reliabiliti dijalankan dan nilai Cronbach alpha yang diperoleh semasa pra-uji ialah 0.82. Dalam Kajian sebenar nilai Cronbach alpha ialah 0.78.

Pengumpulan data kajian telah dijalankan dengan mengedarkan sendiri borang soal selidik melalui individu, sewaktu selesai kelas dijalankan disepanjang bulan Oktober 2001. Semua borang soal selidik telah dapat dikumpulkan dengan bantuan pegawai di Balai Islam dan seterusnya dianalisis. Data tambahan telah diperolehi dengan menemubual tiga orang pegawai Balai Islam untuk memahami masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan program pembelajaran. Mereka yang dipilih merupakan pegawai utama Balai Islam yang menjadi perancang, pelaksana dan pengendali program pembelajaran tersebut.

Kajian status ini menggunakan statistik mudah seperti peratusan, kekerapan dan min untuk menerangkan profil dan membuat interpretasi responden terhadap aspek-aspek yang dikaji. Pengukuran item yang menggunakan min adalah berasaskan ukuran Likert berskala – 5 dan interpretasi tentang tahap min adalah berasaskan tiga ketegori iaitu > 3.56 = tinggi, 1.33 hingga 3.66 = sederhana, dan < 1.32 = rendah.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Purata umur responden ialah 45.2 tahun, 76.7% terdiri daripada wanita, 75% berbangsa Cina dan 70% berasal daripada agama Buddha. Daripada segi kelayakan akademik pula, 60% adalah hanya berpendidikan sehingga darjah enam dan sebanyak 11.7% memiliki ijazah pertama. Mereka memeluk agama Islam pada purata umur 25.8 tahun dan ini bermakna secara purata responden telah menganuti Islam selama hampir 20 tahun. Manakala 41.7% di kalangan mereka mempunyai pekerjaan di sektor awam atau swasta, dan 60% telah pun berkahwin. Profil demografi ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Bilangan kaum wanita di kalangan responden jauh melebihi bilangan lelaki. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, data menunjukkan jumlah sebenarnya saudara baru wanita di Malaysia jauh melebihi lelaki iaitu dengan kadar 70% : 30% (Rosey 1995). Kedua, sebanyak 27.0% daripada responden merupakan ibu tunggal yang mempunyai masa terluang untuk belajar di samping kehadiran mereka mendapat sedikit insentif kewangan daripada pihak penganjur program. Ketiga, melalui pemerhatian, wanita lebih terbuka untuk menuntut ilmu atas galakan keluarga atau suami untuk menghadiri kelas agama. Nisbah saudara baru wanita jauh lebih tinggi daripada saudara baru lelaki juga seperti yang dilaporkan di Jepun

JADUAL 1
Profil demografi responden (n = 60)

Ciri Demografi	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	14	23.3
Perempuan	46	76.7
Umur (tahun)		
56 ke atas	6	10.0
46 - 55	27	36.0
36 - 45	17	28.4
26 - 35	8	13.4
25 ke bawah	2	3.3
Min	45.2	
Sisihan piawai	9.8	
Status perkahwinan		
Berkahwin	36	60.0
Bujang	8	13.3
Janda/ibu tunggal	16	26.9
Agama Asal		
Buddha	42	70.0
Hindu	5	8.3
Kristian	7	11.7
Lain-lain	6	10.0

(wanita 69.7% dan lelaki 30.3%) disebabkan pertukaran ke agama Islam berlaku kerana wanita Jepun mengahwini kaum imigran Islam selepas mereka memeluk Islam (Anis 1998).

Jadual 2 menunjukkan profil sosial dan agama responden. Mereka memeluk Islam pada purata umur iaitu 25.8 tahun. Ini bersesuaian akta dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana seseorang boleh memeluk agama lain pada umur minimum 18 tahun. Responden dalam kajian ini memberi sebab mereka memeluk Islam atas faktor hidayah Allah. Kajian-kajian lain (Nor Patimah 1990; Tusibah 1994; Maziah 1995; Rosmawati 1992) walau bagaimanapun mendapati bahawa sebab-sebab lain seperti berkahwin, pergaulan dengan kawan beragama Islam, tarikan kepada Islam juga merupakan sebab utama saudara baru memeluk Islam. Hidayah ialah petunjuk kepada jalan kebenaran dan terbuka hati untuk menerima Islam sebagai cara hidup. Menurut Teh (1990) majoriti yang terlibat dalam pengislaman akhir-akhir ini adalah di kalangan pekerja yang tahap pendapatan rendah disebabkan taraf pendidikan yang rendah, dan sebanyak sebanyak 60% responden dalam kajian ini mempunyai pendidikan sehingga Darjah 6 sahaja. Namun demikian terdapat mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu ijazah pertama (11.7%) dan mempunyai pekerjaan yang tetap seperti guru dan kakitangan kerajaan (20%). Kebanyakan responden adalah berbangsa Cina dan 70% adalah berasal daripada agama Buddha. Kajian lepas (Rosey 1999) juga menunjukkan bahawa sebahagian besar saudara baru di Malaysia ialah berbangsa Cina yang beragama asal Buddha (Teh 1990). Lebih-lebih lagi di Negeri Melaka terdapat kelompok masyarakat Cina peranakan (Baba) yang telah berasimilasi dengan kebudayaan Melayu sejak sekian lama. Menurut Teh (1990) lagi melalui analisisnya di Asia Tenggara, dua perkara yang berharga yang jarang terdapat di kalangan imigran Cina pada waktu penghijrahan dahulu adalah wanita dan status sosial yang tinggi, dan untuk mendapatkannya orang Cina rela pindah ke agama Islam melalui perkahwinan dengan wanita Islam. Analisis Teh (1990) seterusnya menyatakan, salah satu keuntungan jangka pendek dari pengislaman adalah dengan adanya bantuan kewangan, membantu mencarikan pekerjaan kepada saudara baru yang diberikan oleh PERKIM dan Jabatan Agama di peringkat negeri.

Jadual 3 pula menunjukkan taburan responden berdasarkan kehadiran dalam aktiviti pembelajaran dalam tahun 2001. Data mendapati bahawa aktiviti kelas fardhu ain

JADUAL 2
Profil sosial dan agama (n = 60)

Ciri Sosial Dan Agama	Kekerapan	Peratus
Umur Memeluk Islam (tahun)		
10 Ke bawah	9	15.0
11 - 20	30	49.9
21 - 30	8	13.4
31 – 40	6	10.1
41 Ke atas	7	11.6
Min	25.8	
Sisihan piawai	12.6	
Bangsa		
Cina	45	75.0
India	5	8
Lain-lain	10	16.7
Sebab Masuk Islam		
Hidayah Allah	48	80.0
Berkahwin	7	11.7
Dorongan kawan	5	8.3
Kelulusan Akademik		
Darjah enam	36	60.0
SRP/PMR	6	10.0
SPM/ MCE	10	16.7
STPM/STU	1	1.7
Ijazah	7	11.7
Pekerjaan		
Kerajaan	12	20.0
Swasta	13	21.7
Surirumah	23	38.3
Lain-lain	12	20.0

JADUAL 3
Taburan responden mengikut aktiviti pembelajaran yang pernah dihadiri pada tahun 2001 (n = 60)

Aktiviti Pembelajaran	Kekerapan	Peratus	Kedudukan
Kelas fardhu ain	60	100	1
Majlis perayaan	60	100	2
Ceramah agama	56	93.3	3
Kuliah mingguan	54	90.0	4
Kursus	6	76.7	5
Diskusi bersama rakan	45	75.0	6
Forum agama	34	56.7	7
Simposium	26	43.3	8

merupakan aktiviti pembelajaran yang sangat tinggi kehadirannya. Ini diikuti pula dengan ceramah agama (93.3%), kuliah mingguan (90.0%), kursus (76.7%) seperti kursus jenazah dan perkahwinan. Majlis keraian seperti perayaan Maulidur Rasul dan Hari Raya adalah aktiviti yang sangat tinggi kehadiran responden (100%). Kelas fardhu ain yang dianjurkan oleh Balai Islam sangat mendapat sambutan. Kelas ini merupakan satu-satunya program yang boleh responden ikuti setiap minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad. Manakala program ceramah agama dan majlis perayaan pula biasanya diadakan secara besar-besaran mengikut waktu tertentu. Menurut mereka di sinilah tempat mereka bersosialisasi dengan pemimpin dan saudara baru yang lain.

Jadual 4 menunjukkan persepsi responden terhadap kepentingan objektif program pembelajaran. Secara keseluruhan responden berpendapat bahawa kepentingan objektif pembelajaran yang mereka ikuti adalah tinggi (min = 4.47). Program pembelajaran yang telah mereka ikuti dikatakan telah dapat memberi panduan dalam mengurus kehidupan berlandaskan ajaran Islam (min = 4.57) meningkatkan kesungguhan belajar (min = 4.53) dan dapat meningkatkan lagi kemahiran serta pengetahuan tentang agama Islam (min = 4.53).

Responden sangat berminat untuk belajar mendalami ajaran Islam. Ini bertepatan dengan tujuan pembelajaran dewasa seperti yang dinyatakan oleh Knowles (1984) dan Robinson (1985) bahawa pada suatu peringkat kehidupan seseorang dewasa, orientasi pembelajaran lebih tertumpu kepada keperluan diri, sama ada ia berorientasikan masalah, pekerjaan ataupun kehidupan. Aslanian dan Brickell (1980) serta Garelli (1996) menambah lagi bahawa faktor penyebab seseorang untuk belajar ialah akibat perubahan dalam hidup. Data yang terhasil jelas menunjukkan bahawa saudara baru yang dikaji amat memerlukan program pembelajaran mengenai ilmu dan amalan Islam yang dianuti.

Data dalam Jadual 5, secara keseluruhan menunjukkan persepsi responden terhadap suasana pembelajaran dalam kelas adalah memuaskan (min = 4.09). Namun begitu responden beranggapan bahawa guru mereka perlu lebih berkemampuan untuk menguasai pelbagai bahasa (min = 3.51, iaitu sederhana) kerana responden terdiri daripada pelbagai kaum dan kebudayaan. Responden juga berpendapat supaya pengendalian sesi soal jawab dalam kelas diperkemaskan (min = 3.88) dan keselesaan kelas dalam keadaan kurang memuaskan (min = 3.90). Ini disebabkan kelas mereka sering diadakan pada hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari cuti umum, yang mana beberapa aktiviti lain seperti majlis keraian dan program kebudayaan dijalankan serentak berhampiran di mana pembelajaran diadakan.

JADUAL 4
Persepsi responden terhadap kepentingan objektif program pembelajaran saudara baru (n = 60)

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Mengurus kehidupan	4.57	.67	1
Kesungguhan belajar	4.53	.68	2
Meningkat kemahiran	4.53	.67	3
Meningkat pengetahuan	4.52	.67	4
Kekuatan diri	4.48	.71	5
Sikap positif	4.45	.77	6
Memudah kehidupan	4.42	.59	7
Tanggungjawab diri	4.27	.66	8

Min Keseluruhan : 4.47, Sisihan Piawai : 0.68

JADUAL 5
Persepsi responden terhadap suasana pembelajaran di dalam kelas (n = 60)

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Hubungan guru- pelajar baik	4.40	.76	1
Tunjuk ajar yang menarik	4.38	.58	2
Aktiviti pembelajaran yang berkesan	4.30	.81	3
Bahan rujukan sesuai	4.27	.63	4
Peluang memberi idea	4.05	.75	5
Kelas selesa dan sesuai	3.90	1.04	6
Soal jawab dalam kelas	3.88	.80	7
Kemampuan guru dalam pelbagai bahasa	3.51	.89	8

Min Keseluruhan : 4.09, Sisihan Piawai : 0.7

Satu lagi aspek yang menjadi persoalan dalam kajian ialah mengenai isi kandungan pelajaran seperti ditunjukkan dalam Jadual 6. Secara keseluruhan responden mengatakan bahawa isi kandungan pelajaran berada pada tahap sederhana (min = 3.22). Secara khusus, responden mengatakan isi kandungan pelajaran telah mencapai tujuan belajar mereka (min = 4.00) kerana pelajaran tersebut adalah mempunyai aspek teori dan amali (min = 4.00). Walau bagaimanapun ada kalanya isi kandungan pelajaran tidak dapat menepati kehendak responden (min = 2.62), isi pelajaran tidak menentu (min = 2.65) dan pelajar tidak tahu isi kandungan untuk kelas berikutnya (min = 2.60).

Persepsi responden yang kurang memuaskan ini terhadap beberapa aspek isi kandungan pelajaran adalah berkemungkinan disebabkan kurangnya penelitian dijalankan oleh penganjur tentang keperluan isi kandungan pembelajaran untuk saudara baru. Begitu juga tahap penerimaan pelajar yang berbeza memandangkan latar belakang pendidikan mereka yang sebahagiannya berada ditahap yang rendah dan tempoh mereka selepas memeluk Islam yang tidak sama. Ini kerana menurut Wan Fauziah (1992), hampir 90% daripada saudara baru di Malaysia terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai kelulusan yang tinggi. Responden juga menyatakan bahawa mereka tidak dapat memahami sesuatu pelajaran dengan baik kerana terlalu banyak perkara yang dipelajari pada setiap sesi kelas. Ada kalanya responden masih kurang faham tujuan mereka belajar untuk sesuatu sesi, apa yang seharusnya dipelajari lebih dahulu dan daripada mana hendak bermula mengikuti pembelajaran. Kajian Wan Fauziah juga menunjukkan kurikulum pembelajaran saudara baru ada kalanya dijalankan secara ad hoc tanpa menetapkan profil pelajar yang menghadiri sesuatu sesi pembelajaran. Seperti kajian Maziah (1995) mencadangkan supaya program dakwah perlu dimulakan dengan perkara-perkara yang menjadi kegemaran mereka dahulu, contohnya hal kemasyarakatan dan sosial kemudian sedikit demi sedikit dikaitkan dengan agama. Di kalangan responden juga terdapat mereka yang kurang memahami bahasa Malaysia dengan baik. Faktor ini juga menjadi penghalang untuk mereka memahami dengan baik isi pelajaran yang disampaikan.

Jadual 7 menunjukkan data yang diperoleh dari aspek penyampaian dan pengendalian yang keseluruhan memuaskan (min = 3.79). Walau bagaimanapun data menunjukkan tahap persepsi yang berbeza mengikut pelbagai aspek pengendalian. Mereka beranggapan bahawa penyampaian guru adalah baik (min = 4.33), begitu juga pengajar memberi peluang berinteraksi (min = 4.17), peruntukan masa yang cukup (min = 4.16), penjelasan jawapan kepada pelajar (min = 4.10). Namun demikian ada aspek pengendalian pembelajaran yang dianggap masih sederhana oleh responden seperti pembelajaran yang hanya menggunakan bahasa Melayu sahaja (min = 2.78).

Fasilitator yang mengajar di kalangan responden dapat menyampaikan ilmu dan berinteraksi dengan baik. Ini kerana guru yang membimbing mereka mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam memberi pendidikan kepada saudara baru. Demikian juga hubungan antara guru dan murid adalah memuaskan bukan hanya di dalam kelas sahaja, tetapi juga di luar kelas. Responden bersetuju tentang masa yang diperuntukkan bagi sesuatu sesi kelas iaitu 2

JADUAL 6
Persepsi responden terhadap isi kandungan pelajaran dalam program pembelajaran (n = 60)

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Mencapai tujuan belajar	4.00	.88	1
Mempunyai teori dan amali	4.00	.97	2
Diajar berulang-ulang	3.48	1.03	3
Isi kandungannya umum	3.47	1.05	4
Isi kandungan tidak menentu	2.65	1.04	6
Tidak menepati kehendak saya	2.62	1.07	7
Tidak tahu jadual hari berikut	2.60	1.12	8

Min Keseluruhan : 3.22, Sisihan Piawai : 1.03

JADUAL 7
Persepsi responden terhadap penyampaian dan pengendalian program pembelajaran (n = 60)

Kenyataan	Min	Sisihan Piawai	Kedudukan
Penyampaian guru	4.33	47	1
Peluang berinteraksi	4.17	.61	2
Peruntukan masa	4.16	.78	3
Penjelasan jawapan	4.10	.71	4
Perbincangan melalui bengkel	3.77	.81	5
Penggunaan ABM	3.65	1.09	6
Kaedah kuliah sahaja	3.40	.98	7
Bahasa selain bahasa Melayu	2.78	1.12	8

Min Keseluruhan : 3.79 , Sisihan Piawai : 0.82

jam. Penyampaian pelajaran yang hanya menggunakan bahasa Melayu sahaja merupakan satu kelemahan program kerana jumlah guru yang bertugas adalah terhad dan mereka tidak berkemampuan berbahasa lain seperti bahasa Cina dan Tamil kecuali Inggeris. Responden terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Cina, India, Portugis, Iban, dan Orang Asli. Mereka dikumpulkan di dalam kelas yang sama. Kajian Maziah (1995) menyokong kebenaran perlunya fasilitator untuk menguasai beberapa bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil dan sebagainya. Data kajian ini juga menunjukkan bahawa responden bersetuju supaya guru menggunakan pelbagai alat bantuan mengajar seperti slaid, video dan sebagainya. Mereka juga menghendaki guru menggunakan kaedah mengajar yang pelbagai, tidak hanya menggunakan teknik ceramah sahaja di dalam kelas.

TANGGAPAN PEGAWAI TENTANG MASALAH PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN

Transkripsi data daripada temu bual dengan tiga pegawai Balai Islam dianalisis dengan menggunakan teknik 'constant-comparative'. Hasil analisis menunjukkan bahawa program pembelajaran menghadapi tiga masalah utama iaitu pertama, Balai Islam dianggap sebagai tempat mengadu masalah; kedua, status pekerjaan pegawai di Balai Islam; ketiga, kurikulum yang kurang lengkap. Setiap satu masalah ini diterangkan dan disokong dengan kenyataan verbatim daripada responden. Nama responden yang digunakan dalam setiap kenyataan verbatim bukanlah nama sebenar atas tujuan kerahsiaan.

Balai Islam Dianggap sebagai Tempat Mengadu Masalah

Ketiga-tiga pegawai hampir sebulat suara mengatakan bahawa ramai saudara baru yang mereka temui di Balai Islam sering meluahkan pelbagai permasalahan kehidupan yang mereka hadapi selepas memeluk Islam. Seperti kata Ustaz Ahmad:

> Kami di sini seolah-olah dianggap sebagai tempat mengadu hal. Mereka datang pada bila-bila masa dan bercakap tentang apa sahaja terutamanya masalah yang mereka hadapi. Ada kalanya mereka mengadu tentang buku sekolah anak-anak, anggota keluarga sakit, masalah tempat tinggal dan pelbagai bayaran bil.

Masalah saudara baru yang lebih ketara adalah berkaitan kemiskinan. Secara keseluruhannya saudara baru di negara ini merupakan golongan miskin (Teh 1990) dan kemiskinan telah mereka hadapi sebelum memeluk Islam lagi. Ada yang beranggapan bahawa cara mudah mengatasi kemiskinan ialah dengan memeluk Islam kerana saudara baru diberi perhatian oleh pelbagai pihak termasuk Balai Islam. Seiring dengan keadaan ini responden lain yang ditemu bual mengatakan:

> Saudara baru faham yang dalam Islam kita ada memberi zakat kepada orang miskin saudara baru di sepanjang masa. Ada daripada mereka yang datang ke sini (Balai Islam) meminta hak mereka.... Bantuan zakat bermacam-macam antaranya makanan seperti beras, pakaian dan alat untuk bekerja seperti mesin jahit, mesin tebu dan lain-lain (Ustaz Amin).

> Ada yang datang hanya untuk mendapatkan wang insentif kehadiran mengikuti kursus sebanyak RM5 sahaja. Dulu mereka dapat RM10, sejak masalah

ekonomi melanda negara wang tersebut dikurangkan kepada RM5 dan itu pun mereka sanggup datang untuk mendapatkannya. Jikalau sepuluh kali sudah berjumlah RM50 (Ustazah Afifah).

Selain itu, hampir semua saudara baru menghadapi masalah dengan keluarga asal mereka selepas memeluk Islam. Situasi pelajar yang terganggu aspek psikologi ini mempengaruhi keberkesanan pembelajaran mereka. Ada di kalangan mereka yang diancam dan diusir keluarga menyebabkan timbul masalah tempat tinggal, malah ada yang terpaksa tinggal dengan orang yang bersimpati atau terpaksa menyewa sendiri. Keadaan ini semakin buruk kerana faktor kemiskinan seperti yang dilaporkan oleh Ustaz Amin:

Pihak kami di Balai Islam ada menyediakan kedai panel untuk saudara baru yang miskin supaya mereka mengambil barang keperluan harian di situ dan memang ditetapkan had jumlah harga barang yang dibenarkan diambil pada setiap bulan. Tetapi masalahnya ialah kadang-kadang mereka pergi ke kedai untuk mendapatkan wang dari tuan kedai, bukannya barang keperluan harian.

Masalah saudara baru yang lebih sukar mereka atasi ialah pandangan serong orang Melayu terhadap pengislaman mereka. Ini berkaitan dengan anggapan orang Melayu bahawa saudara baru mempunyai niat 'ada udang di sebalik batu' dan tidak ikhlas memeluk Islam. Malah ada orang Melayu yang mengatakan masuk Islam bermakna menjadi orang Melayu, yang situasi ini dinafikan oleh saudara baru kerana mereka tidak semestinya mengikuti kebudayaan dan cara hidup orang Melayu selepas memeluk Islam seperti apabila bersembahyang mesti memakai baju Melayu dan kain pelikat seperti dinyatakan dalam kata-kata berikut:

Orang Melayu khususnya di kampung sering menganggap saudara baru mesti ikut adat orang Melayu seperti berbaju Melayu dan berkain pelikat bila bersembahyang ke masjid. Perkara ini bukan senang hendak diubah dalam masa sehari dua selepas memeluk Islam. Bayangkan berapa lama dia sudah terbiasa dengan cara hidupnya, tiba-tiba disuruh tukar dalam sekelip mata (Ustaz Ahmad).

Terdapat kes kononnya saudara baru telah murtad. Seorang lelaki Melayu telah membuat laporan melalui telefon ke Pejabat ini, bahawa saudara baru telah murtad. Perkara ini berlaku apabila mereka melihat saudara baru balik ke rumah asal mereka untuk menziarahi keluarga mereka. Tanpa usul periksa terlebih dahulu masyarakat menganggap mereka telah murtad. Dari situ timbullah persoalan ikhlas atau tidak mereka memeluk Islam. Mereka juga sering ditakutkan dengan pertanyaan seperti sanggupkah nanti berpuasa sebulan, solat lima waktu, bersunat dan sebagainya. Malahan ada yang bertanya pada bakal isteri (saudara baru) sanggupkah berpoligami nanti? (Ustazah Afifah).

Status Pekerjaan Pegawai di Balai Islam

Analisis transkripsi mendapati permasalahan program pembelajaran yang dihadapi oleh saudara baru mempunyai kaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh pegawai Balai Islam dalam pelaksanaan program pembelajaran. Masalah ini dapat diterangkan daripada tiga aspek iaitu jumlah pegawai, status jawatan dan kepakaran yang dimiliki.

Jumlah pegawai yang bertugas di Balai Islam ialah seramai enam orang. Jumlah ini dikatakan adalah kecil berbanding jumlah pelanggan atau saudara baru yang mereka layani hampir 20 orang sehari, yang setiap seorang mengemukakan pelbagai jenis masalah yang sukar untuk diselesaikan dengan segera. Tambahan pula pegawai mengakui kepakaran yang mereka miliki adalah terbatas, khususnya dalam aspek kaunseling, memberi kefahaman tentang Islam kepada saudara baru yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya. Di kalangan pegawai yang ditemu bual mengatakan jawatan mereka mempunyai status kontrak, sementara atau sukarela. Hanya seorang daripada mereka mempunyai kelulusan peringkat ijazah, seorang lagi merupakan bekas tentera dan yang ketiga mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Manakala dua daripada mereka adalah juga merupakan saudara baru yang telah memeluk Islam setiap seorangnya pada 27 tahun dan 13 tahun yang lalu. Status jawatan sedemikian disebabkan Jabatan Agama Negeri tidak melihat keperluan meningkatkan jumlah pegawai di Balai Islam. Fakta di atas disokong melalui kenyataan verbatim berikut :

Pegawai di sini sebenarnya diambil daripada pelbagai bangsa seperti Cina, India, Sikh dan Orang Asli. Diharapkan dengan adanya mereka di sini dapat membantu memberi kefahaman kepada saudara baru yang sama bahasa dan latar belakang budaya. Tetapi sekarang yang tinggal hanyalah pegawai Cina dan India sahaja dan seorang Melayu. Tambahan pula mereka tidak

kekal di sini sebab status jawatan bersifat kontrak. Saya sendiri juga berjawatan kontrak. Selepas dua tahun sekali kita memperbaharui kontrak. Jadi keberkesanan kerja terpulang pada usaha kita sendiri (Ustaz Ahmad).

Pegawai kita perlu diberi kursus atau latihan mengikut perubahan sesuai dengan perkembangan terkini. Balai Islam sendiri ada menghantar pelajar yang berpotensi di kalangan saudara kita untuk menyambung pelajaran di luar negara supaya menjadi pendakwah dan dapat membantu Balai Islam pada masa akan datang. Itu pun buat masa sekarang cuma ada seorang sahaja. Atau pihak Jabatan Agama boleh memberi cuti bergaji kepada pegawai untuk menghadiri kursus ini. Memang kita akui kita kurang terlatih dan mempunyai kelemahan untuk mengendalikan pembelajaran di kalangan saudara baru (Ustaz Amin).

Kurikulum yang Kurang Lengkap

Analisis daripada transkripsi data juga menunjukkan bahawa kurikulum pembelajaran saudara baru telah disediakan oleh pihak JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia). Namun pegawai mendapati modul yang ada terlalu umum dan tidak mengambil kira profil terperinci pelajar yang dikatakan mempunyai latar belakang dan masalah yang berbeza dan rumit. Oleh itu guru terpaksa menggunakan buku yang diperoleh di pasaran yang memerlukan tahap kebolehan pemahaman yang tinggi. Buku tersebut sering digunakan oleh guru-guru agama yang lain di masjid-masjid. Buku tersebut selalunya menggunakan tulisan jawi yang sudah tentu sukar difahami oleh saudara baru. Masalah ini dapat dikesan melalui kenyataan-kenyataan berikut:

Sebenarnya ada kurikulum yang disediakan oleh JAKIM, tetapi ada beberapa perkara yang kurang sesuai bila hendak dilaksanakan kepada mualaf di sini. Di kalangan mereka ada yang buta huruf, tidak faham bahasa Melayu dan sebagainya, maka kami (Balai Islam) terpaksa mencari sumber lain di pasaran dan berbincang dengan guru yang mengajar mengikut kesesuaian penerimaan pelajar (Ustaz Ahmad).

Buku panduan ini saya dapat daripada kawan saya di Singapura. Sungguhpun buku ini ditulis dalam bahasa Inggeris, nampaknya susunan isi kandungan pelajarannya lebih mudah untuk difahami dan sesuai kepada semua peringkat termasuk kita yang telah lama memeluk Islam sekalipun. Jadi saya gunakan buku ini untuk mengajar (Ustaz Amin).

Pelajar suka bertanya di dalam kelas bila ada perkara yang tidak difahami. Selalunya mereka banyak bertanya tidak mengira topik dan tujuan sesuatu jadual belajar. Apabila ditambah dengan penerangan yang diberikan oleh ustaz terhadap sesuatu pertanyaan pelajar, ini menyebabkan isi pelajaran kadang-kadang nampak terlalu banyak untuk difahami pada sesuatu masa (Ustazah Afifah).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Perubahan yang terjadi dalam hidup sebagai saudara baru tidak semudah seperti yang dilihat. Sungguhpun mereka menerima Islam dengan sepenuh hati sebagai satu cara hidup, tetapi mereka masih kurang memahami apakah perkara yang tergolong sebagai ibadah. Ini memberi implikasi kepada pembentukan program pembelajaran di kalangan saudara baru.

Purata umur responden iaitu 45.2 tahun menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada golongan yang dewasa. Secara umum individu dewasa mempunyai keunikan tersendiri daripada segi pembelajaran yang perlu diikuti secara tidak formal. Tambahan pula mereka merupakan saudara baru yang mempunyai pelbagai latar belakang bahasa, bangsa dan budaya.

Di kalangan saudara baru yang dikaji, golongan wanita merupakan kumpulan yang lebih aktif dalam mengikuti program pembelajaran berbanding lelaki. Ini disebabkan mereka terdiri daripada ibu tunggal atau janda dan mempunyai masa terluang dan jumlah saudara baru wanita memang jauh melebihi jumlah lelaki. Berdasarkan pengalaman penyelidik, didapati bahawa secara keseluruhan kaum wanita pada masa kini lebih berminat mendalami ilmu agama secara tidak formal berbanding lelaki.

Faktor kemiskinan merupakan masalah utama yang dihadapi oleh saudara baru dan mereka sentiasa mengharapkan bantuan dari Balai Islam. Lebih separuh daripada responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Hal ini menyebabkan mereka sukar mendapat pekerjaan tetap bagi menjamin masa depan mereka. Pihak Balai Islam amat mengambil berat perkara ini dengan menghulurkan apa sahaja bantuan yang termampu kepada saudara baru. Faktor ini merupakan antara sebab melambatkan pencapaian matlamat program pembelajaran yang dilaksanakan. Tambahan pula di kalangan mereka mempunyai pelbagai masalah peribadi yang lain.

Agama Islam bersifat terbuka untuk menerima sesiapa sahaja menjadi penganutnya. Bangsa Cina yang berasal daripada agama

Buddha merupakan golongan yang paling ramai memeluk Islam. Oleh itu gerakan dakwah kepada masyarakat Cina perlu diperluas memandangkan mereka merupakan golongan terbesar yang memeluk Islam di Malaysia berbanding bangsa lain. Pandangan negatif segelintir masyarakat Melayu terhadap saudara baru perlu dikikis kerana ia memberi implikasi besar kepada imej umat Islam di negara ini.

Kehadiran pelajar amat memuaskan sewaktu diadakan kelas fardu ain dan ceramah agama. Wang insentif kehadiran sebanyak RM5 mungkin turut mempengaruhi kedatangan mereka ke kelas. Pelajar menunjukkan minat yang mendalam untuk mempelajari ilmu dan menerima Islam sebagai cara hidup. Namun Balai Islam masih belum mendapat bahan pelajaran yang dianggap sesuai untuk dijadikan modul kepada pelajar bagi memudahkan pelaksanaan program pembelajaran. Guru-guru serta pegawai di Balai Islam kurang didedahkan dengan latihan atau kursus yang bersesuaian ke arah mencapai keberkesanan program pembelajaran.

Daripada empat komponen yang dikaji dalam pelaksanaan program pembelajaran di kalangan saudara baru menurut persepsi mereka, satu daripadanya menunjukkan purata skor yang sederhana. Walau bagaimanapun terdapat beberapa ciri yang masih dianggap lemah termasuk, suasana persekitaran kelas, isi kandungan, dan teknik penyampaian yang perlu diberi penekanan oleh Balai Islam dalam melaksanakan sesuatu program pembelajaran.

Daripada persepsi pegawai yang ditemu bual, kajian mendapati mereka menghadapi beberapa masalah dalam pelaksanaan program pembelajaran tersebut. Ini merangkumi tiga masalah utama. Pertama, Balai Islam sebagai tempat mengadu segala hal; kedua, masalah status pekerjaan pegawai di Balai Islam dan ketiga, kurikulum yang kurang mantap. Jumlah pegawai di Balai Islam tidak mencukupi berbanding khidmat yang diperlukan untuk semua saudara baru. Tambahan pula pegawai kurang mempunyai kepakaran dalam kaedah penyelesaian masalah, kaunseling dan memberi kefahaman kepada saudara baru yang terdiri daripada pelbagai bahasa, bangsa dan budaya. Status jawatan kontrak, sementara dan sukarela pegawai dan guru yang bertugas di Balai Islam menunjukkan kurang kepekaan pihak Jabatan Agama terhadap kepentingan dan keperluan dakwah secara bersungguh-sungguh kepada saudara baru.

Kesimpulan terakhir ialah kajian mendapati pelaksanaan program pembelajaran di Balai Islam amat penting diberi perhatian yang bersungguh-sungguh bagi memberi kefahaman ke arah pengamalan yang lebih baik kepada saudara baru. Hal ini melibatkan semua pihak di Balai Islam, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri. Berdasarkan kesimpulan di atas, beberapa cadangan bagi mempertingkatkan pelaksanaan program pembelajaran di kalangan saudara baru berdasarkan konteks kajian ini ialah seperti berikut:

i) Pihak yang merangka kurikulum program pembelajaran saudara baru perlu mengkaji secara terperinci mengenai latar belakang pelajar terlebih dahulu. Keadaan ini akan mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih baik sesuai dengan sifat pelajar dewasa yang sedang melalui proses transisi. Isi pelajaran yang baik termasuk teknik mengajar, menggunakan alat bantuan mengajar yang terkini dan sesuai dengan kemampuan pelajar menerima pembelajaran.

ii) Mengadakan 'Islamic Information Centre', perpustakaan di tempat-tempat strategik seperti di tengah bandar untuk mendidik orang ramai terutama mereka yang baru memeluk Islam dan mereka yang berminat dengan Islam supaya dapat memahami agama tersebut dengan lebih mudah. Ini juga akan dapat mendidik masyarakat Melayu dengan moral yang tinggi supaya menerima saudara baru sebagai saudara seaqidah tanpa mempersoal keikhlasan mereka.

iii) Pegawai-pegawai syarak seperti imam, bilal, ustaz dan ahli Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) boleh memainkan peranan penting dengan mengambil saudara baru sebagai keluarga angkat supaya mereka mudah membuat rujukan terdekat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

iv) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) perlu mewujudkan rangkaian kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta bagi mencari pekerjaan yang sesuai untuk saudara baru atau menjalinkan kerjasama dengan bank bagi mendapatkan kemudahan pinjaman kewangan untuk memulakan perniagaan kecil dan lain-lain yang berkaitan. Ini berdasarkan fakta bahawa kebanyakan

saudara baru mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah.

v) Kajian akan datang dicadangkan supaya menumpukan kepada kaedah pembelajaran yang berkesan di kalangan saudara baru yang bertaraf profesional seperti doktor, peguam, jurutera, saintis dan sebagainya. Kajian akan datang juga boleh ditumpukan kepada peranan saudara baru sebagai pemangkin dalam gerakan Islamiah di Malaysia.

RUJUKAN

Al-Rawi, Musare. 1993. Islam and adult education. *Covergence* **26(1):** 83–91.

Anis, Bushra. 1998. The emergence of Islam and the status of Muslim minority in Japan. *Journal of Muslim Minority Affairs* **18(2):** 329–346.

Aslanian, C. B. dan H. M. Brickell. 1980. *Americans in Transition: Life Changes as Reasons for Adult Learning.* New York: College Entrance Examination Board.

Azmi, Shaheen. 1997. Canadian social service provision and the Muslim community in metropolitan Toronto. *Muslim Toronto* **17(1):** 153–167.

Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory.* New Jersey: Prentice Hall.

Benshoff, J. M. 1991. Nontraditional college students: a developmental look at the needs of women and men returning to school. *Journal of Young Adulthood and Middle Age* **3:** 47–61.

Brazziel., W. F. 1989. Older Students. Dalam *Shaping Higher Education's Future: Demographic Realities and Opportunities 1990 –2000,* disunting oleh A. Levine and Associates, m.s. 116 – 132. San Francisco: Jossey-Bass.

Garelli, S. 1996. What is world competitiveness. *The World Competitiveness Yearbook.* Lausanne, Switzland: International Institute for Management.

Ibrahim Che Noh. 1995. Dakwah kepada non-Muslim: masalah dan cabarannya. Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini,* disunting oleh Sidi Gazalba dan Zainab Ismail. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hefner, R. W. dan P. Horvatich. 1997. *Islam in an Era of Nation-States: Politics and Religious Renewal in Muslim Southeast Asia.* Honolulu: University of Hawaii Press.

Knowles, M. 1980. *The Modern Practice of Adult Education.* Chicago: Follet Press.

Knowles, M. 1984. *The Adult Learner : A Neglected Species.* Houston: Gulf Publishing.

Ku Md. Ali B. Hj. Ku Ramli. 1997. Dakwah kepada saudara baru: satu kajian mengenai pendekatan dalam aspek bimbingan dan kebajikan. Kertas projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Mahfuz Haji Teh. 1992. Kefahaman tentang Islam dan pengamalannya oleh saudara baru: satu kajian khusus di Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Maziah Husain. 1995. Dorongan penganutan agama Islam bagi saudara baru di Wilayah Persekutuan dan masalah yang dihadapi selepas penganutannya: kajian di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunaan Satu Perspektif Bersepadu.* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Nor Patimah Abd. Rahim. 1990. Islamic outreach ABIM: pendekatan dakwah terhadap non-Muslim dan saudara baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ramli B Rasid. 1993. Gerakan dakwah terhadap non Muslim di era kebangkitan Islam: kajian terhadap peranan dan aktiviti badan-badan dakwah di Pulau Pinang. Kertas projek Sarjana, Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

Reizen, K. V. 1996. Non-formal education and community development: improving the quality. *Convergence* **XXIX (1):** 82 – 93.

Rosey, M. 1995. Difficulties faced by Chinese Muslim converts in Malaysia. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa.

Rosmawati Abd Rashid. 1992. Saudara baru ditinjau dari sudut ekonomi dan perspektif undang-undang: kajian di Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

SHAMSUL AMRI B. 1997. Identity construction, nation formation, and Islamic revivalism in Malaysia. Dalam *Islam in an Era of Nation-States : Politics and Religious Renewal in Muslim Southeast Asia*, disunting oleh R. W. Hefner dan P. Horvatish. Honolulu: University of Hawaii Press.

SHATZMILLER, M. 1996. Marriage, family, and the faith: women's conversion to Islam. *MUSLIM Women* **21(3):** 235 – 267.

SIDDIQ FADZIL. 1998. *Dakwah dalam Era Perubahan.* Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

SIMON PERI. 1990. Ibadat: Kefahaman dan amalannya di kalangan saudara baru di Sarawak, satu kajian khusus di Kampung Belimbing, Darul Islam Pedawa, Kuching Sarawak. Kertas projek Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

TEH SIAUW GIAP. 1990. Cina Muslim di Indonesia. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi:* 23–29.

TUSIBAH MABNI. 1994. PERKIM: peranannya dalam mengatasi masalah kemurtadan saudara baru, satu kajian di Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

WAN FAUZIAH WAN MAMAT. 1992. Peranan JAWI dalam dakwah Islamiah terhadap saudara baru: satu kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

YUSOFF B. ISMAIL. 1988. Dakwah kepada non-Muslim kejayaan dan permasalahan: satu kajian khusus di Kelantan. Kertas projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

ZAINURIN MOHD YASIN. 1992. Perkembangan dan penghayatan islam di kalangan saudara baru: kajian kes di Melaka Tengah. Kertas projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor.

(Diterima: 27 November 2002)